

From: Jabatan Pendaftar
Sent: Sunday, May 20, 2018 2:47 PM
To: UUM - All Staff
Subject: RALAT : WAKTU BEKERJA SEMPENA BULAN RAMADAN 1439 HIJRAH



Jabatan Pendaftar

REGISTRAR'S OFFICE

Universiti Utara Malaysia

20 MEI 2018
04 RAMADHAN 1439H

WAKTU BEKERJA SEMPENA BULAN RAMADAN 1439 HIJRAH

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke-112 Bil 1/2018 pada 8 Februari 2018 lalu telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2017 tentang Penambahbaikan Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) Di Agensi Kerajaan Persekutuan sepertimana yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam pada 22 Disember 2017 lalu.

3. Jadual 9 di dalam Pekeliling berkenaan menetapkan bahawa waktu bekerja sepanjang bulan Ramadan pada tahun ini di Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor adalah seperti berikut: -

HARI	WAKTU BEKERJA	WAKTU REHAT	WAKTU BEKERJA
AHAD	8.00 AM – 1.00 PM	1.00 PM – 1.30 PM	1.30 PM – 4.30 PM
ISNIN	8.00 AM – 1.00 PM	1.00 PM – 1.30 PM	1.30 PM – 4.30 PM
SELASA	8.00 AM – 1.00 PM	1.00 PM – 1.30 PM	1.30 PM – 4.30 PM
RABU	8.00 AM – 1.00 PM	1.00 PM – 1.30 PM	1.30 PM – 4.30 PM
KHAMIS	8.00 AM – 1.00 PM	1.00 PM – 1.30 PM	1.30 PM – 3.00 PM

4. Sehubungan dengan itu, UUM mematuhi peruntukan ini dan waktu bekerja di UUM sepanjang Ramadan adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual di atas. Namun begitu sukacita diingatkan bahawa waktu rehat turut dipendekkan selama setengah jam dan staf perlu menyambung tugas masing-masing mulai jam 1.30 petang.

Selamat menyambut Ramadhan Al-Mubarak.

Sekian, terima kasih.

Pemangku Pendaftar
Universiti Utara Malaysia



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.